

JABATAN KORPORAT  
TARIKH: 14.02.2025 MASA: 06.00PM  
**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**TAKLIMAT PENERANGAN DAN PENDAFTARAN  
PENSIJILAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) -  
CUEPACS ZON UTARA**

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
20 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)  
2.00 PETANG

**AUDITORIUM, MENARA BANDARAYA  
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita dapat bersama-sama pada petang ini dalam **Taklimat Penerangan Dan Pendaftaran Pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) - CUEPACS Zon Utara.**
2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Dr. Haji Adnan bin Mat, Presiden CUEPACS serta seluruh warga CUEPACS atas kesudian menganjurkan taklimat yang amat bermanfaat ini. Sesungguhnya, usaha murni ini mencerminkan komitmen tinggi CUEPACS dalam memperkasa kemahiran dan profesionalisme kakitangan awam.
3. Setinggi-tinggi penghargaan turut saya tujukan kepada para peserta yang hadir pada petang ini. Kehadiran saudara dan saudari jelas membuktikan komitmen serta kesungguhan dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran masing-masing. Saya juga ingin mengucapkan tahniah atas penyertaan seramai 200 orang peserta dalam taklimat ini.
4. Sebagai sebuah bandar raya yang sentiasa berusaha meningkatkan kompetensi serta kualiti kerja penjawat awam, saya amat menyokong

inisiatif ini yang bertujuan memberi nilai tambah kepada kakitangan kerajaan melalui pensijilan yang diiktiraf.

5. Seperti yang kita sedia maklum, Persijilan Kemahiran Malaysia melalui Pentaulahan Pencapaian Terdahulu (PPT) merupakan satu kaedah pengiktirafan kemahiran berdasarkan pengalaman kerja dan latihan yang telah diperolehi sebelum ini. Calon yang menyertai program ini dikehendaki mengemukakan bukti kemahiran mereka untuk dinilai oleh Pegawai Penilai dan seterusnya disahkan oleh Pegawai Pengesah Luaran yang dilantik oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).
6. Dengan adanya skim pensijilan ini, penjawat awam yang telah bertahun-tahun berkhidmat dan mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu akhirnya dapat memperoleh pengiktirafan rasmi, setanding dengan sijil akademik lain. Ini bukan sahaja meningkatkan keyakinan dan motivasi mereka dalam menjalankan tugas harian, malah turut menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan mutu perkhidmatan dalam sektor awam.
7. Saya percaya bahawa usaha CUEPACS dalam mengadakan taklimat seperti ini adalah langkah yang sangat baik dalam membantu kakitangan kerajaan memahami kepentingan pensijilan kemahiran ini serta mendaftar untuk mendapatkan pengiktirafan yang sewajarnya. Dengan lebih ramai kakitangan kerajaan mendapatkan pensijilan ini,

kita akan dapat mewujudkan tenaga kerja yang lebih cekap, mahir dan kompeten, sekali gus menyumbang kepada pembangunan organisasi yang lebih efektif dan berdaya saing.

8. Program ini juga sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk memperkuuh pembangunan modal insan serta memastikan setiap individu dalam sektor awam memiliki tahap profesionalisme yang tinggi. Dalam dunia yang semakin mencabar ini, keupayaan dan kemahiran yang diperoleh perlu diiktiraf secara rasmi agar ia dapat dimanfaatkan dengan lebih optimum. Ini juga selaras dengan dasar peningkatan kemahiran sepanjang hayat yang menjadi teras kepada pembangunan sumber manusia negara.
9. Selain itu, inisiatif ini juga membuka peluang kepada penjawat awam untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang masing-masing tanpa perlu mengikuti pendidikan formal yang panjang. Ini memberi kelebihan kepada mereka untuk terus bekerja sambil mendapatkan pengiktirafan kemahiran secara fleksibel. Saya percaya dengan adanya pensijilan ini, ia bukan sahaja memberi faedah kepada individu tetapi juga kepada organisasi dan sektor awam secara keseluruhannya.
10. Saya ingin menyeru kepada semua peserta agar mengambil peluang ini dengan sebaiknya. Gunakan program ini sebagai satu landasan untuk meningkatkan kredibiliti serta memperkuuh nilai

profesionalisme dalam bidang tugas masing-masing. Marilah kita bersama-sama menyokong usaha CUEPACS dalam membentuk tenaga kerja yang lebih berkualiti, seterusnya membantu dalam meningkatkan kecekapan serta keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

11. Akhir kata, saya berharap agar program ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua peserta yang hadir. Semoga ia dapat membuka lebih banyak peluang kepada penjawat awam dalam meningkatkan profesionalisme dan prestasi kerja mereka. Saya juga mengharapkan agar lebih banyak program seperti ini dapat dianjurkan di masa hadapan agar manfaatnya dapat dirasai oleh lebih ramai penjawat awam di seluruh negara.
12. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirrahim***, sukacitanya saya merasmikan **Taklimat Penerangan dan Pendaftaran Persijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) - CUEPACS Zon Utara**.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***